BAB 6

BAB 6

RUMUSAN PENYELIDIKAN DAN CADANGAN

6.1: Pendahuluan:

Kajian ini diadakan bertujuan untuk melihat tingkah laku kepimpinan pengetua sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam sama ada pada dimensi timbang rasa mahu pun dimensi pendayautamaan struktur. Kita telah pun melihat analisis secara deskriptif mengenai pembolehubah demografik pengetua, pembolehubah demografik guru responden dan huraian persepsi atau tanggapan guru-guru dan pengetua mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua-pengetua di sekolah-sekolah menengah yang terlibat menurut soalan-soalan penyelidikan yang berkenaan dalam bab yang lalu.

Tingkah laku kepimpinan pengetua di sekolah-sekolah menengah dapat dilihat dari segi penglibatan dan kekerapan pengetua dalam pelaksanaan tugas dan perhubungannya dengan guru-guru di sekolah. Kekerapan tingkah laku kepimpinan pengetua dapat dilihat berdasarkan pandangan responden sama ada pengetua 'selalu', 'kerapkali', 'kadangkala'

atau 'tidak pernah' melakukan satu-satu jenis tingkah laku kepimpinan seperti yang dikehendaki oleh soal selidik.

Kaedah yang telah digunakan ialah melalui kajian ke sekolah-sekolah menengah dengan menggunakan soal selidik di samping ditambah dengan temu bual bagi mendapatkan gambaran dan maklumat lebih lanjut mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua di sekolah menengah. Seramai 234 orang guru dan 26 orang pengetua dari 26 buah sekolah menengah yang terdapat di Brunei Darussalam dilibatkan dalam kajian ini. Memandangkan Brunei Darussalam hanya mempunyai 26 buah sekolah menengah kerajaan ada lebih wajar kesemua sekolah menengah dan kesemua pengetuanya dilibatkan.

6.2: Rumusan Dapatan Penyelidikan:

Dalam bahagian ini dapatlah dirumuskan dapatan penyelidikan bagi menjawab soalan-soalan penyelidikan dalam bab yang terdahulu. Pertama, adakah terdapat perbezaan persepsi guru-guru tempatan dengan guru-guru ekspatriat mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua? Dengan menggunakan ANOVA, persepsi guru-guru tempatan dan guru-guru ekspatriat didapati perbezaan yang signifikan dalam dimensi timbang rasa (pada tahap $p = < .05$). Kajian mendapati kumpulan guru ekspatriat mempunyai min yang lebih tinggi (70.03) berbanding dengan kumpulan

kumpulan guru tempatan (65.24). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi antara guru-guru tempatan dengan guru-guru ekspatriat terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa. Sebaliknya dalam dimensi pendayautamaan struktur, persepsi guru-guru tempatan dan guru-guru ekspatriat tidak terdapat perbezaan yang signifikan (p= .9601). Bila dilihat nilai min guru-guru tempatan dan guru-guru ekpatriat didapati tidak begitu berbeza. Kumpulan guru-guru ekspatriat mempunyai min 53.70 manakala kumpulan guru-guru tempatan mempunyai min 53.49. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru tempatan dan guru-guru ekspatriat terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur. Jelasnya analisis di atas menunjukkan bahawa pengetua dipersepsikan lebih bertimbang rasa oleh guru-guru ekspatriat berbanding dengan guru-guru tempatan. Manakala dalam pendayautamaan struktur, kedua-dua kumpulan membuat persepsi yang tidak begitu berbeza. Tetapi kedua-dua kumpulan ini mengambarkan tingkah laku kepimpinan pengetua lebih tinggi dalam dimensi timbang rasa daripada dimensi pendayautamaan struktur.

Kedua, adakah terdapat perbezaan persepsi antara pengetua dengan guru-guru terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa dan pendayautamaan struktur? Analisis persepsi pengetua dan guru-guru mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam dimensi

timbang rasa (p= .9537). Kajian mendapati kumpulan guru mempunyai min yang hampir sama (66.82) berbanding dengan kumpulan pengetua (66.92). Begitu juga dalam dimensi pendayautamaan struktur, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara guru-guru dan pengetua (p= .8272). Kumpulan guru mempunyai min 51.56 manakala kumpulan pengetua mempunyai min 52.27. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi guru-guru dengan persepsi pengetua mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua pada kedua-dua dimensi iaitu dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur. Walaupun begitu, kedua-dua kumpulan ini mempersepsikan tingkah laku kepimpinan pengetua lebih tinggi dalam dimensi timbang rasa daripada dimensi pendayautamaan struktur.

Bagi soalan penyelidikan kedua, Ujian-t juga digunakan bagi maksud mengukuhkan hasil dapatan kajian secara ANOVA, ujian ini mendapati tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan mengikut status antara guru dan pengetua terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa (p= .064). Dari segi nilai min menunjukkan tidak ada perbezaan min yang signifikan antara guru dengan pengetua. Guru mempunyai min 66.82 manakala min pengetua ialah 66.92 dengan. perbezaan min = - .1068. Ini jelas menunjukkan bahawa tanggapan pengetua dan guru-guru terhadap tingkah laku pengetua pada dimensi timbang rasa adalah agak sama. Begitu juga dalam pendayautamaan struktur, ujian-t

menunjukan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan (p= .856) antara kumpulan guru dan kumpulan pengetua. Dari segi min pula tidak ada perbezaan min yang signifikan antara kumpulan guru dengan kumpulan pengetua. Guru mempunyai min 51.56 dan pengetua mempunyai min 52.27 dengan perbezaan min = - .7051. Ini jelas menunjukkan bahawa tanggapan pengetua dan guru-guru terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur adalah agak sama. Kesimpulannya, Ujian-t sama seperti ANOVA telah membuktikan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan mengikut status yang berlainan terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam kedua-dua dimensi timbang rasa (p= .064) dan dimensi pendayautamaan struktur (p= .856).

Ketiga, adakah terdapat perbezaan persepsi guru-guru mengikut jantina terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa dan pendayautamaan struktur? Kajian mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara kumpulan mengikut jantina dalam dimensi timbang rasa (p= .0005). Kumpulan lelaki mempunyai min yang lebih tinggi (68.41) berbanding dengan kumpulan perempuan (64.56). Ini menunjukkan bahawa kumpulan lelaki menganggap pengetua lebih mengamalkan tingkah laku dalam dimensi timbang rasa berbanding dengan kumpulan perempuan. Sebaliknya, dalam dimensi pendayautamaan struktur didapati persepsi kedua-dua kumpulan ini tidak terdapat perbezaan yang signifikan (p= .4214).

Kumpulan lelaki mempunyai min 52.24 manakala kumpulan perempuan mempunyai min 50.78. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara kumpulan lelaki dan kumpulan perempuan terhadap tingkah laku pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur. Jelas dari kajian ini bahawa terdapat perbezaan persepsi guru lelaki dan guru perempuan terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua terutama dalam dimensi timbang rasa. Kumpulan lelaki menganggap pengetua lebih timbang rasa dari kumpulan perempuan. Tetapi tidak terdapat perbezaan persepsi mereka terhadap tingkah laku pengetua pada dimensi pendayautamaan struktur.

Keempat, adakah terdapat perbezaan persepsi guru-guru mengikut umur terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa dan pendayautamaan struktur? Kajian mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara kumpulan mengikut umur dalam dimensi timbang rasa (p= .0463). Nilai min pada peringkat umur yang berlainan adalah berbeza. Contohnya, nilai min kumpulan umur 35 hingga 39 adalah rendah (64.09) berbanding dengan kumpulan umur 40 hingga 44 tahun nilai min adalah tinggi (68.09). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berkenaan tingkah laku pengetua dalam dimensi timbang rasa mengikut kumpulan umur yang tertentu. Begitu juga, dalam dimensi pendayautamaan struktur antara kumpulan mengikut umur, didapati terdapat

perbezaan yang signifikan (p= < .0065). Nilai min kumpulan umur guru yang berlainan adalah berbeza. Contohnya, kumpulan umur 35 hingga 39 nilai min ialah rendah (49.55) berbanding dengan kumpulan umur 40 hingga 44 tahun nilai min ialah tinggi (52.70). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi pendayautamaan struktur dari kumpulan umur yang berbeza. Jelasnya kajian ini mendapati terdapat perbezaan persepsi mengikut kumpulan umur yang berlainan mengenai tingkah laku kepimpinan pengetua dalam kedua-dua dimensi timbang rasa dan pendayautamaan struktur. Ini bermakna pengetua dipersepsikan lebih bertimbang rasa dan lebih pendayautamaan struktur kepada guru-guru yang berumur di antara 40 ke 44 tahun berbanding kepada guru-guru yang berumur di antara 35 ke 39 tahun.

Kelima, adakah corak tingkah laku kepimpinan pengetua menunjukkan sama ada lebih tinggi pada dimensi pendayautamaan struktur atau dimensi timbang rasa di Negara Brunei Darussalam? Berdasarkan dapatan kajian di atas, sama ada secara ANOVA dan Ujian-t, perbezaan persepsi-persepsi dari kumpulan guru-guru tempatan dengan kumpulan guru-guru ekspatriat, kumpulan pengetua dengan kumpulan guru-guru, kumpulan guru-guru lelaki dengan kumpulan guru-guru perempuan dan mengikut kumpulan umur, menunjukkan bahawa tingkah laku kepimpinan pengetua adalah dipersepsikan lebih tinggi dalam dimensi timbang rasa daripada

dimensi pendayautamaan struktur. Ini dibuktikan dengan jumlah min kedua-dua dimensi yang telah ditunjukan oleh ANOVA dan Ujian-t iaitu, bagi dimensi timbang rasa = 66.83 dan bagi pendayautamaan struktur = 51.63. Walau bagaimanapun, corak tingkah laku kepimpinan pengetua ini bolehlah ditempatkan pada keseluruhannya kepada corak Jenis I iaitu, tinggi dalam dimensi timbang rasa dan dalam dimensi pendayautamaan struktur.

Kesimpulannya, kajian telah dapat menunjukkan perbezaan persepsi di kalangan guru-guru dan pengetua mengikut jantina, umur, status, dan guru tempatan dan guru ekspatriat. Di samping kajian juga dapat membuktikan bahawa tingkah laku kepimpinan pengetua dipersepsikan lebih tinggi pada dimensi timbang rasa daripada dimensi pendayautamaan struktur dan corak kepimpinan pengetua di Negara Brunei Darussalam ialah lebih menjurus kepada Jenis I iaitu, tinggi dalam dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur.

6.3: Syor dan Cadangan

Pada keseluruhannya corak tingkah laku kepimpinan pengetua di Brunei Darussalam adalah pada tahap sedarhana dalam kedua-dua dimensi dan menjurus kepada Jenis I, seperti diterangkan di atas. Dapatan dari kajian ini menunjukkan tingkah laku kepimpinan pengetua adalah positif iaitu lebih

kepada dimensi timbang rasa iaitu hubungan kemanusiaan yang positif. Adalah disyorkan supaya pengetua akan meningkatkan lagi hubungan yang baik dengan guru-guru sebagai sokongan moral dan merasa diri mereka diambil perhatian. Di samping itu terus berusaha memantapkan tingkah laku kepimpinannya dalam dimensi pendayautamaan struktur bagi memastikan setiap guru dapat berfungsi menuju wawasan sekolah dan sebagai nadi penggerak kemajuan sekolah dan pencapaian prestasi dan kepuasan kerja guru-guru.

Adalah penting pengetua mempelajari dan menyedari dimensi timbang rasa untuk dijadikan amalan hariannya di samping tidak mengabaikan dimensi pendayautamaan struktur atau penyempurnaan tugas diri dan tugas guru-guru lainnya. Islam menganjurkan umatnya sentiasa menanam niat kepada konsep berkerja sebagai ibadah yang dapat memenuhi keperluan diri sendiri dan juga ummah. Malah berkerja adalah untuk mendapatkan ganjaran masa di dunia dan masa di akhirat nanti. Pengetua yang baik dari segi hubungannya dengan guru-guru adalah lebih dihormati dan diberi sokongan ikhlas dan padu dari guru-guru. Mereka tidak akan menyumbangkan kerja secara terpaksa dan tidak ikhlas kerana semata-mata memenuhi kehendak peraturan dan arahan. Ini akan menimbulkan sikap guru untuk menjadi pengajar saja tapi bukan pendidik, mengajar hanya mengasuh otak dan akal sedangkan mendidik mengasuh akal dan hati nurani penuntut

yang seimbang untuk menjadi insan kamil. Biasanya dalam institusi sekolah pengetua adalah sebagai model yang jadi ikutan guru-guru seterusnya penuntut-penuntut dan warga sekolah lainnya.

6.4: Penutup:

Tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa adalah penting, walaupun begitu pengetua hendaklah juga menumpukan perhatian kepada bidang-bidang lain di sekolah seperti, penumpuan pada aspek keseluruhan program pendidikan, matlamat kurikulum dan pelaksanaannya, kaedah pengajaran, penyeliaan pengajaran, perancangan bilik darjah, iklim dan budaya sekolah ceria yang dan lain-lain lagi.

Kajian ini merupakan sumbangan kecil dan masih banyak kekurangannya. Dari itu, adalah diharapkan akan dijadikan titik tolak kajian-kajian seterusnya oleh mereka yang berminat dalam tingkah laku kepimpinan pengetua atau pentadbiran pendidikan secara lebih terperinci dan lebih meluas lagi bagi melihat fenomena sebenar pentadbiran pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini tidak akan berhenti di sini malah akan diteruskan dan boleh dijadikan bahan rujuk pentadbir dan perancang pendidikan seterusnya. Semoga kita akan dapat mencapai wawasan pendidikan Negara Brunei Darussalam dalam masa mendatang, amin !